




Khutbah Jumaat 23 Disember 2022M / 28 Jumadal Ula 1444H: "Keluarga Mithali, Islam Dihormati"
Jabatan Agama Islam Selangor

MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK ;
KELUARGA MITHALI,
ISLAM DIHORMATI**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“KELUARGA MITHALI, ISLAM DIHORMATI”.1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ذُرِّيَّةٌ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيهِمْ ٣٤

2

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوْيَ اللَّهُ فَقَدْ

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ١٠٢

5

Marilah bersama-sama kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Khutbah Jumaat pada hari ini bertajuk **“KELUARGA MITHALI ISLAM DIHORMATI.”**

6



Peranan suami atau bapa sebagai ketua dalam mentadbir sesebuah keluarga sangat penting untuk menjadikan institusi keluarga hidup berlandaskan syariat Islam. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

7

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَإِبَّوَاهُ يُهَوِّدَاهُ أَوْ يُنَصِّرَاهُ أَوْ يُمَجِّسَاهُ
كَمَا تُنْتَجُ الْبَيْمَةُ جَمْعَاءَ هَلْ تَحْسُونَ فِيهَا مِنْ جَدْعَاءَ

“Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah yang baik. Maka, ibu bapanya lah yang menjadikannya berperwatakan Yahudi atau Nasrani atau Majusi, sepetimana binatang yang melahirkan anaknya dalam keadaan yang sempurna, adakah kamu dapatkan kecacatan pada telinganya?”

8

(Riwayat Muslim).

Fitrah merupakan keadaan yang tersedia untuk kebaikan yang juga merupakan asal kejadian manusia. Dengan fitrah ini ibu dan bapa hendaklah mengisinya dengan mewujudkan persekitaran awal yang mendidik sikap, tabiat, cara fikir dan tingkah laku mengikut ketetapan Islam sebagai cara hidup (al-din). Istiqamah atau menyelewengnya seseorang bergantung kepada persekitaran. Ini adalah kerana individu merupakan sebahagian daripada keluarga dan keluarga sebahagian daripada masyarakat. Apabila keluarga itu baik, maka baiklah individu tersebut dan apabila individu itu baik, maka keluarga dan masyarakat menjadi baik dan sejahtera.

9



Ketegasan Islam terhadap kepentingan keluarga nampak jelas dalam pensyariatan dan hukum-hakam yang mengatur sistem kekeluargaan. Jelas ditegaskan dalam memenuhi keperluan lelaki dan perempuan itu adalah melalui perkahwinan yang sah. Tanpa ikatan perkahwinan, hubungan antara lelaki dan perempuan adalah zina.

10

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32:

٢٦ ﴿ وَلَا تَقْرُبُوا الْزِّنِيَّةَ إِنَّهُ وَكَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴾

11

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

Dalam tafsir Al-Maraghi menyatakan: “Perzinaan sebenarnya membuka pintu huru-hara dan kegoncangan dalam kalangan manusia kerana manusia tetap mempertahankan kehormatan. Berapa banyak peristiwa pembunuhan yang timbul kerana keinginan berzina, sehingga sewaktu kita dengar sesuatu peristiwa pembunuhan, maka orang akan terus mengatakan: Periksalah dahulu latar belakang perempuan yang terlibat.”

12

Keluarga yang bahagia menurut Islam akan menjadi contoh teladan yang baik bukan sahaja kepada umat Islam, malahan kepada orang bukan Islam. Berteraskan sumber al-Quran dan al-Sunnah mampu membuktikan kepada seluruh umat sejagat di dunia bahawa dengan melaksanakan syariat yang telah ditetapkan mampu membangunkan umat Islam menjadi sebuah umat yang disegani dan dihormati.

13



Antara peranan untuk menjadikan sebuah keluarga itu menjadi keluarga mithali adalah pensyariatan hak dan tanggungjawab suami isteri serta anak. Suami, isteri terikat dengan kontrak perkahwinan yang menetapkan hak dan peranan masing-masing. Adapun tanggungjawab suami adalah memberi mas kahwin kepada isteri, memberi nafkah zahir dan batin serta melayan pasangannya dengan baik. Manakala tanggungjawab isteri pula adalah taat kepada suami dalam perkara bukan maksiat, tidak mengizinkan orang lain memasuki rumah tanpa kebenaran dan keredaan suami serta menjaga kemuliaan, maruah dan harta suami. Tanggungjawab ibu bapa adalah memberi pendidikan agama dan contoh teladan yang baik kepada anak-anak supaya menjadi manusia unggul sebagai aset kepada masyarakat seluruhnya. Tanggungjawab anak kepada ibu bapa pula adalah taat dan berbuat baik kepada ibu bapa serta memberi nafkah sekiranya mampu kepada kedua orang tuanya.

14

Keunggulan sesebuah institusi keluarga itu adalah dengan melaksanakan penghayatan Islam yang menyeluruh untuk setiap ahli keluarganya. Ketua keluarga hendaklah menjadikan Islam sebagai panduan dan acuan dalam kehidupan yang meliputi perekonomian, sosial dan pembinaan sahsiah.

15

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 208:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوْا فِي الْسَّلِيمِ كَافَةً وَلَا تَتَّبِعُوْا خُطُوَاتِ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ وَلَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٨﴾

16

“Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.”

17



Agama Islam adalah agama yang menentukan cara kehidupan yang terbaik dan lengkap dalam menjalani kehidupan yang sempurna di semua tempat, masa dan keadaan yang memenuhi Maqasid a-Syariah yang lima iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga keturunan, menjaga akal dan menjaga harta. Ini kerana agama itu adalah nasihat yang berteraskan pembinaan umat yang bersatu padu dan mencipta kemajuan dari sudut duniawi dan rohani.

18

Hadis daripada Abi Ruqaiyah Tamim bin Aus bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الدِّينُ التَّصِيقَةُ. قُلْنَا: مَنْ؟ قَالَ: "لِلَّهِ، وَلِكِتَابِهِ، وَلِرَسُولِهِ، وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ"

19

“Agama itu nasihat. Kami berkata: “Untuk siapa?” Baginda menjawab: “Untuk Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya, para pemimpin kaum Muslim, dan bagi manusia umumnya.”

20

(Riwayat Muslim).

Kalimah “agama itu nasihat” bermaksud nasihat adalah tiang dan penyokong agama. Menurut Imam al-Nawawi, nasihat itu wajib sekadar mampu dengan syarat bahawa nasihatnya akan diterima dan dipatuhi serta tidak mengancam pada dirinya.

21



Sejarah para nabi dan orang-orang soleh hendaklah dijadikan contoh untuk menjadikan kehidupan sesebuah keluarga yang diacu mengikut agama Islam. Nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya sebagaimana dinyatakan dalam surah Luqman ayat 12 sehingga ayat 19 adalah landasan kekuatan dalam pembangunan sesebuah keluarga. Seorang bapa hendaklah meletakkan hala tuju yang jelas kepada keluarganya. Jika kebahagian yang ingin dicapai, maka tidak hairanlah jika seorang bapa menampilkan nasihat yang sama seperti mana Luqman al-Hakim menasihati anaknya. Menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber rujukan akan mampu menghindari daripada kesesatan dalam menjalani kehidupan keluarga yang harmoni.

22

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita hayati dan mengambil pengajaran sebagai pedoman dalam hidup kita. antaranya:

1. Seorang bapa hendaklah berpegang kuat kepada ajaran Islam dan mempunyai kefahaman yang baik bagi mencorakkan kehidupan keluarga dan masyarakat yang menjadi contoh.
2. Rasulullah SAW merupakan contoh teladan (Qudwah Hasanah) yang hendaklah menjadi ikutan semua individu dalam institusi keluarga.
3. Umat Islam hendaklah yakin bahawa agama Islam adalah satu-satunya agama yang menyediakan cara yang terbaik untuk membina keluarga dan masyarakat yang unggul.

23



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيَّكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا الْنَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ ۖ

24

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

25

(al-Tahrim : 6).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهِ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا إِيَّاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

5

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

7

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ

8

وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.

10

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليِ
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

11

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

12

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

16

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.

17



Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

18

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ
وَالْمِحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفَ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

19

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتَنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ^{٢١٠}.

20

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ^{٦٠}

21

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَهِ يَرِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

22